

SENTRAL

BERITA HARIAN

Faresh realisasi
impian buka
perniagaan
mesra OKU

N8/9



N1

Khamis

28 Jun 2012

• TEL: 1300 22 6787 • FAKS: 03-20567081 • bhsentral@bharian.com.my

Didik pelajar utama keselamatan

Program anjuran Grand Saga dedah panduan tunggang motosikal dengan selamat

Oleh Halina Mohd Noor
halina@bharian.com.my

KAJANG: Kira-kira 10 peratus pelajar menunggang motosikal ke sekolah tanpa lesen memandu sekali gus terdedah kepada risiko kemalangan maut.

Kebanyakan mereka juga tidak mengambil berat soal keselamatan ketika berada di jalan raya kerana tidak memakai topi keledar dengan cara betul, selain motosikal tidak dilengkapi cermin sisi dan lampu belakang.

Perkara itu didedahkan Pegawai Pentadbiran Trafik Ibu Pejabat Polis (IPD) Kajang, Sarjan Mejar Zainal Alam Abdul Majid berdasarkan pemeriksaan ke atas pelajar dan motosikal di 18 sekolah sekitar Kajang sempena Program Taklimat Serta Pameran Keselamatan Jalan Raya sejak enam tahun lalu.

Program dianjurkan syarikat konsesi lebuhraya Cheras-Kajang, Grand Saga Sdn Bhd (Grand Saga) di tiga sekolah setiap tahun sebagai khidmat masyarakat syarikat berkenaan dalam memastikan keselamatan pelajar yang menunggang motosikal.

Katanya, kebanyakan pelajar terbabit kemalangan kerana terlalu mengikut emosi orang muda.

"Jumlah pelajar yang tidak mempunyai lesen tidak ramai tetapi mereka sering terbabit dengan kemalangan kecil akibat cara menunggang yang tidak selamat dan mengikut hati muda termasuk menunggang secara melulu serta melanggar lampu isyarat.



TIMBALAN Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya Selangor, Muhamad Yusuf Hashim (kanan) memberi penerangan mengenai keselamatan topi keledar kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Damai Perdana.

"Kebanyakan kemalangan berlaku di jalan kampung. Polis trafik ada membuat pemeriksaan ke atas pelajar dan motosikal jika ada permintaan daripada pihak sekolah," katanya yang ditemui pada Program Taklimat Serta Pameran Keselamatan Jalan Raya di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Damai Perdana (SMKBDP), baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar Kanan Grand Saga, A Rajasolan; Pengurus Operasi Grand Saga, Zahidi Ali dan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SMKBDP, Datin Nor-

liza Shamsudin.

Lebih 100 pelajar menyertai program merangkumi ceramah mengenai peraturan jalan raya, teknik pemanduan selamat, had laju, lampu isyarat, perangkap laju, salah laku jalan raya, sekatan jalan raya dan kesan kemalangan kepada keluarga serta ekonomi.

Pelajar turut didedahkan dengan aspek keselamatan jalan raya oleh Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Selangor dan Jabatan Pengangkutan Jalan. Pameran kes kemalangan jalan raya, penyalahgunaan

dadah dan peralatan digunakan ketika penguatkuasaan turut diadakan. Pelajar turut menerima risalah keselamatan jalan raya.

Sementara itu, Rajasolan berkata, pihaknya menjalankan program berkenaan sejak enam tahun lalu di kalangan pelajar dan bagi tahun ini, tiga sekolah dipilih termasuk SMKBDP.

"Fokus utama kami adalah meningkatkan kesedaran pelajar mengenai keselamatan jalan raya," katanya sambil menambah Grand Saga adalah syarikat konsesi pertama

menjalankan program ini bersama pelbagai agensi kerajaan lain.

Norliza pula berkata pihak sekolah sentiasa mengambil berat keselamatan pelajarannya terutama yang menunggang motosikal ke sekolah dan mewajibkan mereka mendaftar dengan pihak sekolah.

"Terdapat 120 pelajar SMKBDP mendaftar sebagai penunggang motosikal di sekolah. Menerusi pendaftaran ini, pihak sekolah dapat memantau pelajar supaya sentiasa mematuhi peraturan ditetapkan demi keselamatan mereka," katanya.

● EFFENDY RASHID | BERITA HARIAN



Jumlah pelajar yang tidak mempunyai lesen tidak ramai tetapi mereka sering terbabit dengan kemalangan kecil akibat cara menunggang yang tidak selamat dan mengikut hati muda, termasuk menunggang secara melulu serta melanggar lampu isyarat

Zainal Alam Abdul Majid
Pegawai Pentadbiran Trafik
Ibu Pejabat Polis (IPD) Kajang